

# Malaysia, Singapura capai kesepakatan isu tertunggak

**Vientiane:** Malaysia dan Singapura mencapai kesepakatan dan kemajuan berkaitan beberapa isu tertunggak di antara kedua-dua negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata isu itu dibincangkan dalam pertemuan dua hala dengan rakan sejawatnya dari Singapura, Lawrence

Wong pada luar Sidang Kemuncak ASEAN ke-44 dan ke-45 dan Sidang Kemuncak Berkaitan di sini pada Rabu.

Tanpa menyatakan isu tertunggak berkenaan, Anwar berkata, ia akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam sesi pemukiman tahunan Malaysia-Singapura hujung tahun ini.

“Selama hampir 40 minit, saya dan PM Lawrence berbincang beberapa perkara terkait kepentingan kedua-dua negara, terutama meneroka kaedah terbaik bagi menyelesaikan isu berbangkit secara berkesan dan sepantas mungkin,” katanya dalam satu kenyataan.

Anwar berkata, selepas perte-

muan empat mata itu, beliau dan Wong kemudian mengetuai mesyuarat dua hala bersama menteri-menteri dan delegasi kedua-dua negara.

Sebelum ini dilaporkan isu tertunggak di antara kedua-dua negara termasuk kawalan ruang udara, isu air dan sempadan maritim.

Sidang Kemuncak ASEAN ke-44 dan ke-45 dan Sidang Kemuncak Berkaitan dibuka secara rasmi semalam hingga hari ini.

Laos sebagai Pengerusi ASEAN 2024 akan serahkan jawatan pengerusi itu kepada Malaysia yang akan menjadi Pengerusi ASEAN bagi 2025.

BERNAMA